



KP(BS) 8591/Jld.XVIII (2)

14 Januari 2002

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 2/2002 :

Pelaksanaan Sukatan Pelajaran Yang Disemak Semula Bagi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)

Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memaklumkan tentang pelaksanaan Sukatan Pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) yang disemak semula bagi semua mata pelajaran KBSR dan KBSM.

2. Pelaksanaan SP dan HSP yang disemak semula adalah secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 2002 dengan mata pelajaran Sains Teras Tingkatan 1 dan Tingkatan 4, Matematik Teras Tingkatan 1 dan Tingkatan 4, Sains Tulen (Fizik, Kimia, Biologi) Tingkatan 4, dan Matematik Tambahan Tingkatan 4. Bagi mata pelajaran KBSR dan lain-lain mata pelajaran KBSM, pelaksanaannya adalah pada tahun 2003 secara berperingkat-peringkat bermula dengan Tahun 1 dan Tahun 4 untuk KBSR dan Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 untuk KBSM.

3. Sehubungan dengan itu, sekolah hendaklah mengguna pakai SP bagi semua mata pelajaran KBSR dan KBSM edisi tahun 2000 yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan dicetak oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Bagi HSP pula sekolah hendaklah mengguna pakai edisi tahun 2002 bagi setiap Tahun/Tingkatan mata pelajaran berkenaan yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

4. Peruntukan waktu bagi semua mata pelajaran adalah mengikut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 dan Surat Pekeliling Ikhtisas berkaitan yang berkuatkuasa sekarang.

5. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di negeri Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
Setiausaha Parliman, Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Penasihat Undang-Undang, Kementerian Pendidikan Malaysia
 11. Ketua Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia